

TEKS UCAPAN
MENTERI KANAN KERJA RAYA
DI
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH “MALAYSIA BOOK OF RECORDS”

**“EKOVEST 67.5 METRES LONGEST T-SHAPED PRESTRESSED CONCRETE
BRIDGE SPAN & NEHEMIAH TOWOONG BRIDGETECH 63.11 METRES
LONGEST T-SHAPED PRESTRESSED CONCRETE BEAM”**

12 APRIL 2021

9.30 PAGI

DEWAN TUN DR ISMAIL, PWTC, KUALA LUMPUR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia- nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul pada majlis yang penuh bermakna pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ekovest Berhad kerana menjemput saya **untuk menyaksikan Majlis Penyampaian Anugerah “Malaysia Book Of Records”** pada pagi ini untuk dua kategori berikut iaitu :

- (a) Jambatan konkrit terpanjang menggunakan rasuk prategang berbentuk T kepada Ekovest Berhad, dan**
- (b) Rasuk prategang berbentuk T terpanjang kepada Nehemiah Towoong Bridgetech Sdn Bhd.**

YBhg. Tan sri, dato' dan para hadirin sekalian,

3. Pembinaan rangkaian lebuh raya di negara ini merupakan satu keperluan dan elemen penting untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Pembinaan jajaran lebuh raya yang kemas dan efisien sentiasa menjadi keutamaan untuk dilaksanakan oleh kerajaan dan pihak swasta menerusi dasar penswastan.

4. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Lebuhraya Setiawangsa-Pantai atau ringkasnya SPE adalah sebuah Lebuh Raya Bertingkat ‘Dual 3 Lane Carriageway’ sepanjang 32 Kilometer (KM) yang bermula dari Taman Melati dan berakhir di Universiti Malaya. Kemajuan projek ini telah pun mencapai 81% siap sehingga ke hari ini.

5. Saya telah di maklumkan, SPE merupakan projek lebuhraya yang pertama di Malaysia menggunakan rasuk jenis BH Girder. BH Girder adalah jenis rasuk yang di cipta di Korea Selatan. Ianya mula bertapak di Malaysia sejak tahun 2016, apabila Syarikat Towoong dari Korea Selatan menjalinkan kerjasama dengan

Syarikat Tempatan Nehemiah dan menubuhkan sebuah syarikat yang diberi nama Nehemiah Towoong Bridgetech Sdn Bhd.

6. Saya difahamkan, berbanding dengan rasuk U atau T biasa, rasuk jenis BH Girder ini boleh menjangkau jarak yang lebih panjang sehingga 30%. Rasuk BH Girder ini amat sesuai digunakan di kawasan yang mempunyai kekangan seperti di kawasan bandar padat yang mempunyai banyak jambatan, kawasan yang mempunyai terowong bawah tanah, kawasan yang mempunyai kabel dan saluran utiliti yang padat, lintasan sungai dan lintasan rel keretapi.

Para hadirin sekalian,

7. Melalui inovasi dan kerjasama diantara jurutera tempatan dan Korea Selatan, reka bentuk BH Girder telah disesuaikan mengikut situasi kawasan bandar yang padat. Ianya telah dibuat mengikut acuan 3 rasuk yang berasingan dan hanya digabungkan menjadi satu rasuk di lokasi pembinaan. Dengan itu masalah logistik mengangkut rasuk yang terlalu panjang dapat di atasi.

8. Sebanyak 424 rasuk BH Girder akan digunakan bagi projek SPE, dengan jarak jambatan terpanjang menggunakan rasuk BH Girder adalah 67.5 meter. Manakala rasuk BH Girder yang terpanjang adalah 63.1 meter. Ukuran terpanjang tersebut telah diiktiraf oleh Malaysia Book Of Records sebagai jambatan dan rasuk yang terpanjang di Malaysia.

9. Ini adalah satu kejayaan bukan sahaja buat Ekovest Berhad malahan buat Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia kerana telah menggunakan satu teknologi baharu di dalam pembinaan lebuhraya yang telah mendapat pengiktirafan Malaysia Book Of Records. Ianya juga telah membuktikan betapa kerjasama yang erat "Public Private Partnership" di antara pihak EKOVEST dan kerajaan berupaya mencipta kejayaan yang baik.

10. Akhir kata, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada agensi kerajaan dan swasta yang terlibat iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia; Lebuhraya Duke Fasa 3 Sdn. Bhd; Ekovest Berhad; Zaidun Leeng Sdn Bhd; Perunding VE Sdn Bhd; SLP Construction Sdn Bhd; Nehemiah Towoong Bridgetech Sdn Bhd; Infinity Crane & Engineering Sdn Bhd dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam mencipta Malaysia Book Of Records bagi dua kategori yang disebutkan tadi.

Saya percaya, kerjasama ini pasti akan memanfaatkan semua pihak yang terbabit.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.